

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 8**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR]** Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hala tuju Kementerian dalam memacu perkembangan dan pembangunan industri logistik di Malaysia yang secara tidak langsung bersangkutan dengan kecekapan sistem pengangkutan di negara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Berpandukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12) dan Dasar Pengangkutan Negara (DPN), Kementerian Pengangkutan amat komited dalam memastikan perancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai “*The Preferred Logistics Gateway to Asia*”.
2. Dalam melaksanakan matlamat tersebut, Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) dan 4 Kumpulan Kerja Kluster (CWG) telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan inisiatif yang menyokong pembangunan sektor logistik negara.
3. Objektif utama penubuhan NLTF adalah untuk memastikan *seamless movement of goods through better connectivity*. Ini adalah seiring dengan kenyataan yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu kecekapan sistem pengangkutan juga penting dalam memacu perkembangan dan pembangunan sektor logistik.
4. Di antara inisiatif yang dijalankan adalah seperti Projek East Coast Rail Link (ECRL).

Sekian, terima kasih.